

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KERANGKA PENYAMPAIAN
DAKWAH NELAYAN PANTAI
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

IDERIS BIN ISAHAK

Tesis dikemukakan bagi memenuhi keperluan untuk
ijazah

Sarjana Pengajian Islam Kontemporari

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Februari 2026

ABSTRAK

Dakwah adalah satu tanggungjawab setiap Muslim dan sebahagian daripada tuntutan agama Islam. Pelbagai definisi dakwah yang diberikan oleh para cendekiawan Islam bagi menjelaskan tugas dan amanah dakwah. Dakwah mentauhidkan Allah dan mematuhi segala perintah-Nya wajib disampaikan kepada sekalian manusia termasuklah kepada golongan nelayan pantai. Nelayan pantai merupakan satu komuniti yang hidup di pesisir pantai. Di negeri Perak Darul Ridzuan mempunyai masyarakat nelayan pantai yang menjalani kehidupan di sepanjang pantai barat. Empat lokasi yang menjadi tumpuan komuniti ini iaitu Bagan Datuk, Manjung, Larut Matang dan Parit Buntar. Mereka masih menggunakan peralatan konvensional seperti pukot kecil, jala, sampan, bubu, kail dan sebagainya. Kehidupan mereka juga serba kekurangan. Mereka dibelenggu dengan pelbagai masalah kehidupan. Masalah yang sering dialami mereka antaranya aspek akidah iaitu mengamalkan amalan nenek moyang yang mampu merosakkan akidah, mengamalkan sinkretisme dan mempercayai ritual atau amalan khurafat. Dari aspek ibadah, mereka mereka meninggalkan solat, puasa, tidak sempat menghadirkan diri ke masjid dan tahap pemahaman agama yang rendah. Dari aspek sosial pula, mereka dibelenggu dengan ketagihan dadah, ketum, pergaulan bebas, berjudi, masalah sosial dan kecurian. Objektif pertama kajian ini ialah mengenal pasti permasalahan sosial yang berlaku dalam kalangan nelayan pantai di negeri Perak. Objektif kedua pula ialah menganalisis kaedah penyampaian dakwah institusi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam menangani permasalahan nelayan pantai di negeri Perak. Objektif ketiga adalah mencadangkan kerangka penyampaian dakwah institusi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) kepada golongan nelayan pantai negeri Perak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual, pemerhatian dan dokumentasi. Hasil kajian mendapati beberapa aktiviti dakwah yang dilakukan oleh beberapa agensi sama ada daripada pihak Kerajaan atau Badan Bukan Kerajaan (NGO) kepada nelayan pantai di negeri Perak seperti kuliah agama, ziarah mahabbah, berdakwah di jeti, kelas pengajian Muslimat, kelas KAFA, program sambutan hari kebesaran Islam, majlis sumbangan dan bantuan, ziarah rumah ke rumah, mengajak mendekati masjid, program karnival, dan program lawatan. Hasil dapatan juga mendapati bahawa nelayan pantai di negeri Perak turut mengalami permasalahan keagamaan dan sosial seperti ritual khurafat, meninggalkan ibadah wajib, masalah pergaulan bebas, masalah judi, ketagihan dadah, ketagihan ketum dan masalah kecurian. Selain itu, terdapat isu-isu penyampaian dakwah yang menjadi faktor mengganggu kelancaran dakwah kepada mereka antaranya geografi, kesibukan nelayan, penyampaian kurang menarik, kekurangan dana, peribadi nelayan dan kekurangan pendakwah. Satu kerangka penyampaian baharu telah dicadangkan bagi menambah baik penyampaian dakwah kepada golongan nelayan pantai ini.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana menggerakkan hati ini untuk meneruskan dakwah penulisan dalam bidang ilmu. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Air mata bondaku mengiringi penulisan ini. Maka tidak ternilai titisan air mata itu melainkan diri ini menghadihkan sebuah penulisan sarjana ini buat mu bonda. Setinggi-tinggi kasih buatmu bonda kerana doamu penulisan ini tercipta dan diri ini pulang bersama kejayaan. Ketika penulisan ini ditulis, 13 tahun ayahandaku telah bersama Penciptanya. Diri ini masih ingat, ia adalah salah satu hajat dan harapan agar salah seorang daripada anak-anaknya akan melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi. Begitu tidak sangka hajat tersebut hampir dipenuhi oleh diri ini. Insya-Allah, diri ini akan cuba sehabis baik untuk menoktah hajat ayahandaku ini dengan meneruskan pengajian ke peringkat Ph.D kelak.

Turut mengiringi doa dan sokongan penuh isteri tercinta, Izyan Binti Haji Zahri. Sokongan dan doronganmu menyumbang kelancaran penulisan tesis. Diri ini melihat sendiri isteri tercinta bersungguh-sungguh untuk membantu melancarkan urusan keluarga semata-mata untuk memberi ruang kepada diri ini menjihadkan diri di jalan ilmu. Buat Maui'zah Zahraa, Nuraina Naura dan Fitri Elfirdaus, permata keluarga yang sentiasa menjadi penyumbang ketenangan jiwa dan sokongan moral di sepanjang perjalanan penulisan. Tidak lupa juga buat mentuaku Haji Zahri Bin Hasan yang sentiasa memberi kata-kata semangat untuk diri ini supaya bertahan sehingga ke akhir penulisan. Diri ini juga ingin menempa nama Hartini Isahak, Shuib Basri, Haryanti Isahak, Hamzah Mohd Daud, Harmaniza Isahak, Nizar Hashim, Harlina Isahak, Shu-Hazri Abdul Hamid, Mohamad Noah Isahak dan Siti Zainab Hasan selaku ahli keluarga terdekat yang tidak jemu mengambil cakna serta memberi pandangan bernas supaya penulisan ini lebih terarah dan menarik.

Diri ini tidak akan melupakan dua insan ini kerana jasanya. Beliau sanggup untuk menunduk sujud mendoakan kejayaan diri ini. Beliau tidak pernah mengucapkan kata penat sepanjang diri ini sedang menyiapkan kajian ini. Beliau sudi menjadi teman baik, teman gaduh dan sahabat sejati sepanjang penulisan ini dilaksanakan. Itulah dia insan yang bernama Dr. Muhammad Yusri bin Yusof @ Salleh selaku penyelia utama kajian ini. Sekalung penghargaan juga buat Ustazah Nurul Khairiah Binti Khalid selaku penyelia kedua. Jutaan terima kasih diucapkan atas segala bakti dan jasa yang telah dicurahkan. Terpancar keikhlasan kalian membantu diri ini.

Buat Jabatan Agama Islam Perak, diri ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana mempercayai diri ini untuk meningkatkan kualiti pendidikan diri ini. Tidak lupa juga kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Kalian telah memudahkan diri ini dari sudut kewangan.

Akhir kalam, sekalung penghargaan dan hormat seluruh warga kerja Universiti Teknologi MARA khususnya Cawangan Perak terutama para pensyarah, kakitangan dan sahabat-sahabat yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung. Terima kasih tidak terhingga buat kalian semua.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
JADUAL TRANSLITERASI	xv
BAB PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Limitasi Kajian	14
1.8 Kerangka Konseptual	15
1.9 Definisi Operasional	17
1.10 Kesimpulan	18
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	19
2.1 Pengenalan	19
2.2 Sorotan Kajian Lepas	19
2.3 Model Dakwah	19
2.4 Nelayan	23
2.5 Nelayan Pantai	26

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Agama Islam merupakan agama yang sempurna dan menjadi asas kepada sistem kehidupan manusia. Ia merangkumi segenap aspek dan aturan daripada sekecil-kecil perkara sehinggalah sebesar-besar perkara (Said Ramadan, 2009). Bimbingan ajaran Islam meliputi aspek akidah, ibadah, akhlak, ekonomi, sains, politik, kemasyarakatan, kesihatan, kebudayaan, seni, bahasa, undang-undang, alam sekitar dan sebagainya. Penerangan bagi segala aspek tersebut telah dirakamkan di dalam al-Quran dan hadis kemudian disampaikan kepada sekalian manusia oleh Nabi Muhammad SAW (Mizan, 2020). Keadaan ini telah dijelaskan oleh Allah SWT sebagaimana dalam Surah Sabā' ayat 28:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ
أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya:

Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).

(Sabā': 28)

Proses penyampaian informasi Islam yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ini dinamakan sebagai dakwah. Dakwah dari segi bahasa berasal daripada perkataan Arab دعو. Perkataan dakwah ini secara umumnya bermaksud memanggil, meminta tolong, meminta, mengundang, memohon, menyuruh, mendorong, menyebabkan, mendatangkan, mendoakan, menngisi dan meratapi. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, dakwah didefinisikan sebagai kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan (DBP, t.th.).